



UNTUK SIARAN SEGERA

MIDF SEDIA LAMAN SENI DI GERAI PAMERAN SEMPENA MSAM 2017

Temerloh, Pahang, 20 April 2017 – Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) telah menjalin Perjanjian Persefahaman (MoU) dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM) sejak tahun 2008 dan pada September 2016 telah menandatangani MoU tersebut buat kali ketiga dengan objektif untuk terus mempromosi karya seni yang dihasilkan oleh para siswa serta warga kerja Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (FSSR) di Menara MIDF yang terletak di Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur.

Sempena Minggu Saham Amanah Malaysia 2017 (MSAM), MIDF telah bekerjasama dengan UiTM untuk menganjurkan pameran serta demonstrasi kreativiti di gerai pameran MIDF. Gerai pameran MIDF menampilkan Laman Seni yang mempamerkan karya seni hasil Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka yang meliputi karya seperti kaligrafi kontemporari, tipografi, ilustrasi grafik dan fotografi.

Beberapa aktiviti menarik juga turut disediakan untuk pengunjung MSAM seperti perlumbaan Kinetic Wind Sculpture yang diinspirasi oleh Theo Jansen Wind Sculpture, *live caricature* serta *face painting*. UiTM juga menyediakan sebuah *art market* yang akan menampilkan hasil seni kreatif siswa Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka. Aktiviti Photo Booth

Objektif utama Laman Seni ini disediakan di gerai pameran MIDF adalah bagi mempromosi hasil seni Fakulti serta program akademiknya. Selain itu, melalui inisiatif ini, siswa akan menerima bimbingan dari pensyarah serta latihan dalam penglibatan aktiviti bersama industri dan komuniti. Siswa juga berpeluang untuk mempertingkatkan kemahiran insaniah (*soft-skills*) dan pengurusan acara kesenian.

MIDF berperanan untuk menyediakan ruang bagi siswa UiTM supaya mereka boleh mempraktik apa yang mereka pelajari, dan ini juga merupakan peluang untuk mereka tonjolkan kreativiti masing-masing.

Antara aktiviti-aktiviti yang telah dianjurkan sempena MSAM oleh MIDF dan UiTM adalah bengkel seni "Artdicted: Enviroart – Save the Environment through Art" bagi murid sekolah pada tahun 2011. Pada tahun 2014 sempena MSAM di Kota Bharu, Kelantan, MIDF telah bekerjasama dengan UiTM untuk menyediakan galeri seni, penganjuran *art market* serta aktiviti *face painting* dan *live caricature*.

#####

Mengenai MIDF

MIDF telah ditubuhkan lima puluh tujuh tahun yang lalu hasil daripada satu kajian oleh Bank Dunia. MIDF merupakan institusi kewangan pembangunan utama di negara ini bagi tujuan memangkinkan pembangunan dan pemodenan industri pembuatan negara.

Kumpulan MIDF telah berkembang menjadi entiti yang lebih kukuh dan lebih besar, menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan yang berdaya saing termasuk Perbankan Pelaburan, Kewangan Pembangunan, Pengurusan Aset dan Pembiayaan Mezanin.

MIDF merupakan anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Anita Ramly
Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan
Jabatan Komunikasi Korporat
Tel: (03) 2173 8756
Faks: (03) 2173 8866
H/P: (019) 332 4809
E-mel: anita.ramly@midf.com.my

Laman Sesawang: www.midf.com.my